




UUM ONLINE: Kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM) disaran mewujudkan keserakanan di tempat kerja dalam konteks pentadbiran dan pengurusan.

Naib Canselor, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, kejayaan organisasi bergantung kepada semua peringkat.

Oleh itu jalinan kerjasama dan kerja berpasukan perlu digembeling bersama supaya pencapaian dalam pentadbiran dan pengurusan di kampus ini mencapai matlamatnya.

Beliau berkata, arah tuju telah diberikan namun bagi mencapai matlamatnya kakitangan harus berusaha bukan sahaja untuk meningkatkan produktiviti dalam tanggungjawab yang diberikan malah harus menjalinkan hubungan baik antara mereka.